

Faktor-faktor Keterlibatan Pelajar Universiti dalam Kerja Sambilan
(*Factors of University Students Involvement in Part Time Work*)

KHAIRIL RASYIDI IZAZI, ROS ZAM ZAM SAPIAN*

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar dengan kerja sambilan. Faktor-faktor yang dikaji adalah latar belakang keluarga, kemahiran insaniah, sumber kewangan dan prospek pekerjaan masa hadapan. Seramai 109 orang responden yang terdiri daripada pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik yang mengandungi 42 item. Berdasarkan kepada kaedah analisis regresi, didapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara faktor kemahiran insaniah dan sumber kewangan dengan keterlibatan pelajar bekerja sambilan. Prospek pekerjaan masa hadapan juga mempunyai impak yang positif dan signifikan dalam menentukan kecenderungan pelajar terlibat dalam kerja sambilan.

Kata kunci: kerja sambilan, pelajar, universiti, kemahiran insaniah, sumber kewangan, prospek kerja

ABSTRACT

This study focuses on the factors that motivate students to engage in part-time work. The factors studied are family background, soft skills, financial situation and future employment prospects. A total of 109 respondents from the Faculty of Economics and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia were involved in this study. This study uses a questionnaire technique that contains 42 items. Using regression analysis method, the findings report that there are positive and significant relationships between students' soft skills and financial sources with the involvement in part-time job. Future employment prospect also has a positive and significant impact on the likelihood of students engaging in part-time job.

Keywords: part time work, students, university, soft skills, financial situation, job prospects

PENDAHULUAN

Kos sara hidup yang semakin meningkat serta kuasa membeli yg semakin kurang, mendorong segelintir pelajar bekerja sambil untuk menampung perbelanjaan harian. Kini, bekerja sambil bukan lagi perkara yang asing di negara ini terutama di kalangan pelajar universiti di Malaysia. Tambahan pula, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) memperuntukkan bahawa pihak universiti tidak mempunyai apa-apa halangan bagi seseorang penuntut untuk bekerja sambil selagi pekerjaan itu tidak mencemarkan nama baik universiti (Roshlawaty Raieh, 2015). Kerja sambil yang dilakukan semasa di universiti dilihat bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar merasai pengalaman kerja tetapi turut mengisi masa lapang di samping menambah pendapatan sampingan. Kebanyakan pelajar memilih bekerja sambil kerana biasiswa yang diterima atau pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak mencukupi untuk membiayai yuran pengajian serta perbelanjaan sara diri semasa belajar (Anon, 2018).

Pelbagai faktor boleh dikaitkan dengan keterlibatan pelajar universiti dengan bekerja sambil. Dengan itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah 1) bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pelajar universiti bekerja sambil dari aspek latarbelakang keluarga, kemahiran insaniah, sumber kewangan, dan prospek pekerjaan masa hadapan, dan 2) mengenalpasti faktor manakah yang lebih signifikan dalam mempengaruhi keterlibatan pelajar dengan kerja sambil. Lanjutan kajian ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bahagian-bahagian seterusnya. Bahagian kedua meliputi sorotan kajian lepas. Bahagian ketiga membincangkan metodologi dan kaedah pengumpulan data. Bahagian keempat meliputi dapatan kajian dan perbincangan, manakala bahagian kelima adalah penutup kepada kajian ini.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian lepas yang membincangkan berkenaan kerja sambil dalam kalangan pelajar universiti sama ada dalam mahupun luar negara. Antara isu yang diketengahkan meliputi faktor, kebaikan dan keburukan, serta kepentingan bekerja sambil di kalangan pelajar universiti. Namun kajian ini hanya

memfokuskan kepada faktor-faktor yang merangkumi aspek latarbelakang keluarga, kemahiran insaniah, sumber kewangan, dan prospek pekerjaan masa hadapan dengan keterlibatan pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia untuk bekerja sambil.

Definisi terma

a. Keluarga

Keluarga merupakan satu sistem sosial yang paling asas yang wujud dalam kehidupan individu. Keluarga biasanya akan menjadi faktor kepada pembuatan keputusan atau kejayaan seseorang individu (Yee Pui Leng, 2005). Kajian yang dijalankan oleh Andemariam et al. (2015) mendapati faktor keluarga turut mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam sektor pekerjaan sambil. Faktor keluarga meliputi aspek status sosioekonomi ibubapa (Andemariam et al., 2015), lokasi penempatan, tahap pendidikan, latarbelakang etnik (Andemariam et al., 2015), dan corak perbelanjaan keluarga. Kajian lain seperti Nizar & Abdullah (2018) mendapati sebanyak 89% responden menyatakan bahawa pelajar terlibat dengan kerja sambil untuk mengurangkan beban keluarga. Berbeza dengan kajian King (2006), dapatan beliau menunjukkan sebanyak 63% pelajar bekerja sambil belajar kerana keluarga berkehendakkan mereka berbuat demikian, tidak kira berapa pendapatan keluarga.

b. Kemahiran insaniah

Kecemerlangan dalam bidang akademik semata-mata tidak semestinya menjadi penentu masa depan yang cerah pada masa hadapan, tetapi perlu dilihat juga aspek kemahiran insaniah dalam diri pelajar tersebut (Mohd Ashari, 2017). Hal ini adalah kerana pelbagai aspek dititiberatkan dalam menentukan kebolehasaran setiap graduan (Hassan et al., 2014). Menyedari hakikat ini, kebanyakan pelajar mula melakukan kerja sambil bagi meningkatkan kemahiran insaniah yang ada dari aspek kepimpinan, komunikasi, keusahawanan, pemikiran kritikal dan sebagainya. Ini seiring dengan keperluan kebanyakan majikan pada masa kini yang lebih memilih graduan yang mempunyai pakej iaitu menguasai bidang akademik dengan baik dan pada masa yang sama turut hebat dalam kemahiran insaniah.

c. Sumber kewangan

Kajian lepas mendapati ramai pelajar melakukan kerja sambilan bagi mengatasi masalah kewangan (Curtis & Williams, 2002; Awad Said & Sufean Hussin, 2006; Callender 2008; Morrison, 2009; Nizar & Abdullah, 2010; Akinrole, 2014; Dennis et al. 2018). Pada masa kini, pelajar perlu mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi bagi menanggung kos pembiayaan selama menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sekiranya masalah ketidakupayaan pelajar mahupun keluarga untuk membiayai kos pengajian ini berlanjutan, kesan yang negatif akan timbul menyebabkan pelajar yang berkelayakan tidak dapat menyambung pelajaran (Lane, 2003).

d. Prospek pekerjaan masa depan

Prospek pekerjaan masa depan adalah gambaran idea yang berupa peluang kerja yang boleh diadaptasi pada masa akan datang (Anon, 2018). Terdapat beberapa perkara penting yang perlu dititikberatkan sebelum seseorang itu memulakan kerjaya, contohnya ialah minat, kemampuan, bakat, pengalaman, dan sebagainya. Kajian Callender (2008), Greenbank et al. (2009) and Nadzri et al. (2016) mendapati mencari pengalaman adalah antara faktor yang signifikan yang mendorong mahasiswa melakukan kerja sambilan. Berdasarkan faktor inilah, bagi memperoleh kemahiran dan pengalaman awal sebelum menceburi dunia pekerjaan sebenar, kebanyakan pelajar akan melakukan kerja sambilan sesuai dengan minat dan kecenderungan individu tersebut. Kerja sambilan yang dilakukan pada masa kini dilihat akan memudahkan urusan pekerjaan pada masa depan (Nizar & Abdullah, 2010; Ho & Huang, 2013).

Hubungan antara latar belakang keluarga, kemahiran insaniah, sumber kewangan dan prospek pekerjaan di masa depan dengan bekerja sambilan

Pelbagai faktor mendorong penglibatan pelajar dalam sektor pekerjaan sambilan. Antaranya adalah faktor keluarga yang mana mereka adalah pihak yang paling rapat dengan pelajar. Kedudukan kewangan dalam sesebuah keluarga didapati mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam sektor pekerjaan sambilan. Jika dilihat, pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah lebih ramai melibatkan


diri dalam sektor pekerjaan sambilan (Andemariam et al., 2015, Callender, 2008) dengan matlamat untuk mengurangkan beban keluarga yang terpaksa menanggung pelajar tersebut (Callender, 2008).

Kemahiran insaniah juga memainkan peranan yang signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam dunia pekerjaan sambilan (Mohd Ashari, 2017). Kemahiran untuk berkomunikasi dengan baik, pengurusan masa dan pemikiran kritis adalah antara kemahiran yang boleh diperolehi dengan bekerja sambilan. Pelajar akan lebih berkeyakinan, berdikari dan memupuk sikap tanggungjawab terhadap diri sendiri jika melakukan pekerjaan semasa masih belajar.

Bekerja sambilan juga membolehkan pelajar memperoleh wang saku untuk menampung kos sara hidup semasa menuntut ilmu di universiti. Ini seiring dengan Awab dan Sufean (2006) yang menyatakan bahawa faktor utama yang mendorong pelajar untuk bekerja sambilan adalah untuk memperoleh wang. Pelajar yang bekerja kebanyakannya ingin mendapatkan wang tambahan bagi membiayai perbelanjaan peribadi dan mendapat status yang tinggi dalam kalangan rakan-rakan yang lain. Di samping itu, dengan bekerja sambilan pelajar juga akan turut menghargai wang hasil dari titik peluh diri sendiri (Khoo Boo Wan, 1997).

Pelajar universiti yang melakukan kerja sambilan ini bukan sahaja bermatlamatkan keuntungan semata-mata, namun mereka menjadikan pengalaman yang diperolehi semasa bekerja sambilan sebagai salah satu keutamaan (Mohd Ashari, 2017). Kajian yang dijalankan oleh Awab dan Sufean (2006) mendapati mencari pengalaman merupakan faktor kedua penting yang mendorong pelajar bekerja sambilan. Pengalaman kerja (Akinrole, 2014; Dennis, 2018) yang diperolehi adalah menjadi aset kepada diri pelajar itu sendiri bagi menghadapi saingan pekerjaan pada masa akan datang. Berdasarkan kepada perbincangan di atas, didapati faktor-faktor seperti latar belakang keluarga, kemahiran insaniah, sumber kewangan dan prospek pekerjaan masa hadapan mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam pekerjaan sambilan. Ini menjurus kepada pembentukan kerangka konseptual seperti dipaparkan dalam Rajah 1 bagi hubungan antara pembolehubah tidak bersandar (latarbelakang keluarga, kemahiran insaniah, sumber kewangan, dan prospek pekerjaan masa hadapan) dengan pembolehubah bersandar (keterlibatan pelajar dalam pekerjaan sambilan).

RAJAH 1. Kerangka Konseptual



Berdasarkan kerangka konseptual tersebut, dapat dirumuskan hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- H₁: Wujud hubungan positif di antara faktor keluarga dengan keterlibatan pelajar dalam pekerjaan sambilan.
- H₂: Wujud hubungan positif di antara faktor kemahiran insaniah dengan keterlibatan pelajar dalam pekerjaan sambilan.
- H₃: Wujud hubungan positif di antara faktor sumber kewangan dengan keterlibatan pelajar dalam pekerjaan sambilan.
- H₄: Wujud hubungan positif di antara faktor prospek pekerjaan masa hadapan dengan keterlibatan pelajar dalam pekerjaan sambilan.

METODOLOGI

a. Populasi dan sampel kajian

Populasi adalah kumpulan sasaran yang dicerap dalam sesuatu kajian, manakala sampel kajian adalah individu atau responden yang mewakili kumpulan-kumpulan sasaran tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan mudah melibatkan pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dalam pelbagai jurusan yang terdiri daripada jurusan Pentadbiran Perniagaan, Perakaunan, Ekonomi, dan

Keusahawanan. Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 109.

b. Instrumen kajian

Dalam kajian ini, borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd. Majid Kontang (2005:202), penggunaan borang soal selidik dilihat lebih mudah dan tepat bagi mendapatkan maklumat berkenaan fakta seperti kepercayaan, kehendak, perasaan, dan sebagainya.

Responden diberikan borang soal selidik yang perlu dijawab secara atas talian melalui laman sesawang *Google Form*. Borang soal selidik ini mengandungi lima bahagian yang terdiri daripada Bahagian A, B, C, D, dan E. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden yang terdiri daripada 10 soalan. Bahagian B, C, D, dan E pula merangkumi soalan-soalan berkenaan pembolehubah-pembolehubah faktor keterlibatan pelajar dalam kerja sambilan. Bahagian B mempunyai 5 soalan. Bahagian C dan D pula terdiri daripada 8 soalan. Manakala bahagian E terdiri daripada 6 soalan. Bagi memperoleh maklumat dengan tepat, bahagian B, C, D, dan E menggunakan skala Likert sebagai skala pengukuran.

c. Kaedah Analisis Data

Kajian ini menggunakan perisian *Social Package for Social Sciences* (SPSS) untuk menganalisis data yang diperolehi. Analisis melalui SPSS merangkumi analisis deskriptif untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan mengenai demografi responden. Seterusnya, kajian ini menggunakan analisis ketepatan skala pengukuran


untuk mengukur ketepatan bagi setiap pembolehubah. Berikutnya, analisis korelasi pearson turut digunakan dalam kajian ini. Analisis ini adalah bagi mengukur kekuatan dan arah hubungan *linear* antara beberapa pembolehubah (Investopedia, 2018). Akhir sekali, kajian ini turut menggunakan kaedah analisis regresi untuk mengenalpasti hubungan antara pembolehubah tidak bersandar (latarbelakang keluarga, kemahiran insaniah, sumber kewangan, dan prospek pekerjaan masa depan) dengan pembolehubah bersandar (keterlibatan pelajar dalam kerja sambilan). Analisis regresi turut mengesahkan sama ada hipotesis kajian diterima mahupun ditolak.

PENEMUAN KAJIAN

a. Demografi responden

Rajah 2 menunjukkan taburan demografi responden dalam kajian ini. Majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar perempuan iaitu sebanyak 62% manakala responden di kalangan pelajar lelaki adalah sebanyak 38%. Majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu sebanyak 63%, Bangsa lain adalah terdiri daripada kaum Cina (15%), India (11%) dan lain-lain (11%).

RAJAH 2. Profil Responden



Daripada 109 responden, sebanyak 73% pernah terlibat dalam kerja sambilan. Seramai 33% peratus responden memperoleh jumlah pendapatan sekitar RM 101 hingga 500. Majoriti responden memperoleh sumber kewangan bagi perbelanjaan di universiti dalam bentuk biasiswa. Manakala, kewangan pelajar yang diperoleh daripada sumber lain adalah dalam bentuk pinjaman (30%) dan pembiayaan sendiri/keluarga (11%). Hampir separuh daripada responden menyatakan bahawa sumber kewangan yang diperoleh

adalah tidak mencukupi.

b. Hasil ketepatan skala pengukuran

Kajian ini menggunakan analisis ketepatan Cronbach alpha bagi mengukur ketepatan skala. Analisis Cronbach alpha adalah kaedah paling popular untuk mengukur tahap kebolehpercayaan sesuatu instrumen (Cronbach, 1951).

JADUAL 1. Kebolehpercayaan Komposit dan Cronbach's Alpha

Konstruk	Bilangan item	Kebolehpercayaan komposit
Latarbelakang keluarga	5	0.658
Kemahiran insaniah	8	0.702
Sumber kewangan	8	0.641
Prospek kerja masa depan	6	0.722
Keterlibatan Bekerja Sambilan	7	0.612

Jadual 1 menunjukkan analisis ketepatan Cronbach's Alpha yang digunakan dalam kajian ini. Nilai yang diperolehi adalah di antara 0.612 sehingga 0.722. Nilai Cronbach's Alpha yang baik adalah di antara 0.6 sehingga 0.9 (Malhotra, 2010). Berdasarkan kepada nilai-nilai yang diperolehi, didapati instrumen kajian ini mempunyai konsistensi dalaman yang tinggi.

c. Korelasi Pearson

Korelasi Pearson adalah ukuran korelasi yang digunakan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan lini antara dua pembolehubah. Semakin tinggi nilai korelasi, semakin tinggi kekuatan hubungan di antara pembolehubah. Analisis Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

JADUAL 2. Deskriptif Statistik dan Korelasi Pearson

Pembolehubah	Purata	Sisihan Piawai	Analisis Korelasi Pearson				
			1	2	3	4	5
Keluarga	3.66	.65	1				
Kemahiran insaniah	4.15	.55	0.36	1			
Sumber kewangan	3.81	.52	0.49	0.58	1		
Prospek pekerjaan masa depan	4.18	.57	0.35	0.70	0.52	1	
Penglibatan kerja sambilan	3.97	.45	0.66**	0.85**	0.82**	0.81**	1

Nota: Simbol ** bermaksud nilai statistik signifikan pada aras keertian 1%.

Jadual 2 menunjukkan purata setiap pembolehubah yang diperolehi dalam kajian ini. Purata pembolehubah adalah daripada 3.66 kepada 4.18. Ini menunjukkan bahawa latar belakang keluarga, kemahiran insaniah, sumber kewangan, prospek pekerjaan masa depan dan penglibatan kerja sambilan adalah daripada skala tidak pasti (3) kepada sangat setuju (5).

Sementara itu, jika suatu nilai Korelasi Pearson tidak sama dengan 0, maka akan wujudnya hubungan di antara dua pembolehubah (Nickolas, 2018). Jadual 2 menunjukkan nilai korelasi antara latar belakang keluarga dan keterlibatan pelajar dengan kerja sambilan adalah kuat dan positif ($r = .66, p < 0.01$). Seterusnya, nilai korelasi ($r = .85, p < 0.01$) membuktikan bahawa kemahiran insaniah mempunyai hubungan positif yang sangat kuat dengan keterlibatan pelajar dengan kerja sambilan. Ini menjelaskan bahawa faktor kemahiran insaniah turut mempengaruhi kecenderungan pelajar terlibat dengan kerja sambilan. Jadual 2 juga menunjukkan wujud hubungan yang positif dan sangat kuat antara faktor sumber kewangan dengan keterlibatan pelajar dengan kerja sambilan dengan nilai korelasi sebanyak (.82, $p < 0.01$). Akhir sekali, analisis Korelasi Pearson dengan nilai korelasi ($r = .81, p < 0.01$) menggambarkan terdapat hubungan yang

positif dan sangat kuat antara faktor prospek pekerjaan masa hadapan dengan penglibatan pelajar dalam sektor pekerjaan sambilan.

d. Analisis Regresi

Analisis regresi adalah kaedah yang sangat popular dalam mencari hubungan di antara dua pembolehubah atau lebih. Dalam analisis regresi sederhana, hubungan antara pembolehubah adalah bersifat *linear*, yang mana perubahan pada pembolehubah tidak bersandar akan diikuti dengan perubahan pada pembolehubah bersandar (Hidayat, 2015).

Jadual 3 menunjukkan kesemua faktor pembolehubah mempunyai nilai $R^2 = 0.799$, membuktikan bahawa kesemua faktor pembolehubah tidak bersandar memberi pengaruh sebanyak 79.9% terhadap pembolehubah bersandar iaitu keterlibatan pelajar dalam pekerjaan sambilan. Nilai R^2 terlaras pula adalah sebanyak 0.741. Secara kesimpulannya, pembolehubah tidak bersandar mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keterlibatan pelajar universiti dalam kerja sambilan.

JADUAL 3. Analisis Regresi

Pembolehubah bersandar: <i>Penglibatan kerja sambilan</i>	Koefisien (β)	Nilai t
Keluarga	.264	.642
Kemahiran insaniah	.344	3.771**
Sumber kewangan	.341	2.138*
Prospek pekerjaan masa depan	.301	5.272**
$R^2 = .799$		
R^2 terlaras = .741		

Nota: Simbol ** dan * menunjukkan nilai koefisien signifikan pada aras keertian masing masing 1% dan 5%.

Keputusan analisis regresi pula menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan antara pembolehubah tidak bersandar, iaitu kemahiran insaniah dan sumber kewangan dengan pembolehubah bersandar, iaitu keterlibatan pelajar dengan kerja sambilan. Penemuan kajian ini menyokong dapatan Mohd Ashari (2017) yang menunjukkan wujud hubungan yang positif antara faktor kemahiran insaniah dengan keterlibatan pelajar bekerja sambilan. Hubungan yang

positif dan signifikan antara faktor sumber kewangan dan keterlibatan pelajar bekerja sambilan adalah konsisten dengan penemuan kajian lepas seperti Curtis dan Williams (2002), Awad Said dan Sufean Hussin (2006), Callender (2008), Morrison (2009), Nizar dan Abdullah (2010), Akinrole (2014) dan Dennis et al. (2018).

Penemuan kajian juga menunjukkan bahawa faktor prospek pekerjaan masa depan juga

mempengaruhi secara positif dan signifikan keterlibatan pelajar dengan kerja sambilan dan ianya adalah konsisten dengan penemuan kajian terdahulu seperti Awab dan Sufean (2006), Callender (2008), Greenbank et al. (2009), Nizar dan Abdullah, (2010), Ho dan Huang (2013), Akinrole (2014), Nadzri et al. (2016), Mohd Ashari (2017) dan Dennis (2018). Namun, faktor keluraga walaupun bernilai positif, didapati tidak signifikan dalam mempengaruhi keterlibatan pelajar dengan kerja sambilan.

Pembolehubah tidak bersandar yang paling mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam kerja sambilan adalah kemahiran insaniah dengan nilai beta, $\beta = 0.344$ dan ianya signifikan pada aras 1%. Faktor kedua tertinggi yang mempengaruhi keterlibatan pelajar dengan kerja sambilan adalah faktor sumber kewangan dengan nilai $\beta = 0.341$, diikuti dengan faktor prospek pekerjaan masa depan dengan nilai $\beta = 0.301$. Kedua-dua faktor ini signifikan pada aras masing-masing 5% dan 1% dalam mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam kerja sambilan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini menumpukan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi keterlibatan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerja sambilan. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua pembolehubah tidak bersandar mempunyai hubungan yang positif dengan pembolehubah bersandar. Bagaimanapun, faktor yang paling mempengaruhi keterlibatan pelajar dengan kerja sambilan adalah faktor kemahiran insaniah, diikuti dengan faktor sumber kewangan dan prospek pekerjaan masa depan. Ini memberi gambaran bahawa kebanyakan pelajar universiti berpandangan matlamat utama dalam melakukan kerja sambilan adalah bagi menerapkan kemahiran insaniah dalam diri pelajar.

Berdasarkan kepada penemuan kajian, disarankan semua pihak termasuklah ibu bapa, institusi pengajian tinggi, dan kerajaan memainkan peranan yang penting dalam memastikan pelajar universiti menggunakan masa dengan sebaiknya dalam mengimbangi antara pelajaran dan bekerja sambilan. Ini adalah supaya pelajar tidak mengabaikan pelajaran apabila melibatkan diri dalam kerja sambilan semasa menuntut ilmu di universiti. Seseorang pelajar itu sendiri perlulah membentuk jati diri yang baik, personaliti yang menarik, dan sahsiah yang tinggi sekiranya melakukan pekerjaan sambilan sebagai persediaan menghadapi cabaran pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM untuk dana Tabung Khas EP-2018-001 dalam menjayakan penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Oludayo, O. A., Omonijo, D. O., Uche, O. C. O. & Nwadiafor, K. L. 2014. Evaluation of Students Work-Study Programme: The Case of a Private (Faith- Based) Higher Education Institution, South-West, Nigeria. *British Journal of Education, Society & Behavioural Science* 4(6): 784-809.
- Andemariam, K., Andre, R. S., Tsegai, S. & Dhumal, P. 2015. Work participation and academic achievement: theoretical and practical implications. *European Journal of Business and Social Sciences* 3(11): 15-32.
- Anon. 2018. Kerja Sambilan dan Pelajar: Keperluan atau Tuntutan? <http://www.usahawan.com/lifestyle/kerja-sambilan-dan-pelajar-keperluan-atau-tuntutan.html/>.
- Anon. 2018. Pengertian prospek. <http://www.pengertianmenurutparaahli.net/pengertian-prospek/>.
- Awab Said & Sufean Hussin. (2006). Pelajar sekolah menengah yang bekerja separuh masa: Satu tinjauan di Kuala Lumpur. *Jurnal Pendidikan, Universiti Malaya* 165-188.
- Callender, C. 2008. The impact of term-time employment on higher education students' academic attainment and achievement. *Journal of Education Policy* 23(4): 359-77.
- Cronbach, L. J. 1951. Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika* 16, 297-334.
- Curtis, S. & Williams, J. 2002. The reluctant workforce: undergraduates' part-time employment". *Education + Training* 44(1): 5-10.
- Dennis, C., Lemon, J. & Louca, V. 2018. Term-time Employment and Student Attainment in Higher Education. *Journal of Perspectives in Applied Academic Practice* 6(1): 28-38.
- Greenbank, P., Hepworth, S. & Mercer, J. 2009. Term-time employment and the student experience. *Education + Training* 51(1): 43-55.
- Hassan, H., Ahmad, R. & Bahari, A. 2014. Kemahiran insaniah dan kepentingan penerapannya dalam program baktisiswa perdana unimap. <http://dspace.unimap.edu.my/dspace/handle/123456789/5842>.
- Ho, H-F. & Huang, Y-C. 2013. Earning while Learning: Part-Time Work during Term-Time. *Asia Pacific Journal of Educational Development* 2(1): 59-66.
- Investopedia. (2018). <https://www.investopedia.com/terms/c/correlationcoefficient.asp>.
- King, J, 2006. Working their way through college: student employment and its impact on the college experience. *ACE Issue Brief, American Council on Education* 1-12.
- Khoo Boo Wan (1997). Fenomena kerja sambilan

- di kalangan pelajar tingkatan 4 dari sebuah sekolah menengah di kawasan perindustrian dan implikasinya untuk tindakan pentadbir sekolah. *Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.*
- Lane, K. (2003). How much is too much? *Community College Week*, 15: 6-9.
- Malhotra, N. K. (2010). *Marketing research: an applied orientation*. 6th Edition, Pearson Education, London, United Kingdom.
- Mohd Ashari, Fairuznur Husna .2017. Mahasiswa, kemahiran insaniah dan kerja sambilan. *Sinar Harian*, 23 Ogos 2017. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/57521/>.
- Mohd. Majid Konting .2005. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Morrison, K. 2009. Higher education students in part-time work in a Chinese city. *Evaluation & Research in Education* 22(2-4): 121-144.
- Nadzri, S., Seh Nilamuddin, R. A., Baharudin, N. A. & Abd Rahman, S. S. 2016. Faktor yang mendorong mahasiswa IPT membuat kerja sambilan. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking* 285- 301.
- Nizar, Tamar Jaya & Abdullah, Nor Syahidah .2010. Persepsi pelajar sarjana muda sains serta pendidikan (pengajian islam) terhadap kerja sambilan. *Working paper*, http://eprints.utm.my/id/eprint/10284/2/Nor_Syahidah_Binti_Abdullah.pdf.
- Roshlawaty Raieh .2015. Kerja sambilan bukan perkara baru. *Sinar Harian* 4 Mac, 2015. <http://www.sinarharian.com.my/rencana/kerja-sambilan-bukan-perkara-baharu-1.365145>.
- Nickolas, S. (2018). What does it mean if the correlation coefficient is positive, negative, or zero? *Investopedia*, April 19, 2018 <https://www.investopedia.com/ask/answers/032515/what-does-it-mean-if-correlation-coefficient-positive-negative-or-zero.asp>.
- Yee Pui Leng .2005. Perkaitan antara faktor-faktor keluarga dengan aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling terhadap pencapaian akademik pelajar: Satu kajian kes. *Unpublished project paper*.

Khairil Rasyidi Izazi dan Ros Zam Zam Sopian*
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor, Malaysia

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: zamzam@ukm.edu.my

Diserahkan: 11 Oktober 2018
Diterima: 22 November 2018